



JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR PERKASA PENYAMPAIAN MAKLUMAT MELALUI KERJASAMA DENGAN JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA BAGI SIARAN BACAAN INDEKS PENCEMAR UDARA (IPU) DI RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM) TV1

Putrajaya, – Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) akan memulakan siaran Indeks Pencemar Udara (IPU) menerusi TV1 bermula **16 Mei 2025 (Jumaat)**.

JAS dan METMalaysia percaya bahawa usaha ini bukan sahaja memperkukuh peranan agensi masing-masing dalam pengurusan alam sekitar, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih lestari, berdaya tahan dan berpaksikan kesejahteraan rakyat. Bacaan IPU akan disiarkan dua kali setiap hari, iaitu pada waktu pagi dan petang, melalui saluran RTM1.

Jabatan Alam Sekitar terus komited dalam memperkasakan kerjasama strategik dengan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan kualiti udara negara sentiasa terkawal dan berada pada tahap yang baik. Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata, kerjasama erat dengan Jabatan Meteorologi Malaysia diyakini bukan sahaja mampu memperkukuh hubungan antara agensi, malah turut membantu orang ramai membuat keputusan harian yang lebih bijak, khususnya berkaitan kesihatan dan aktiviti luar.

“Kerjasama dengan METMalaysia ini membolehkan data dan ramalan cuaca serta kualiti udara digabungkan secara lebih efektif, sekaligus meningkatkan kecekapan dalam membuat penilaian dan mengambil tindakan yang bersesuaian,” katanya.

Pemantauan Indeks Pencemar Udara (IPU) dijalankan selama 24 jam oleh pegawai-pegawai JAS melalui Pusat Kawalan Alam Sekitar Nasional, yang berfungsi sebagai pusat kawalan utama negara dalam memantau bacaan IPU secara masa nyata di seluruh negara. Pemantauan ini bertujuan memastikan kualiti udara kekal terkawal dan mematuhi Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia.

Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Jabatan dalam mengurangkan impak pencemaran terhadap kesihatan awam serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan negara menghadapi sebarang insiden pencemaran udara, termasuk jerebu. Orang ramai juga digalakkan untuk terus merujuk laman sesawang rasmi www.eqms.doe.gov.my dan aplikasi MyJAS EQMS bagi mendapatkan maklumat IPU secara langsung dan terperinci.

**JABATAN ALAM SEKITAR
15 MEI 2025**



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763